

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**  
**KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG**  
**15200 KOTA BHARU**  
**TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393**

---

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia [keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan] yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

- 1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Imam Muda) Gred S29 (3 kekosongan)**
- (b) Klasifikasi : Sosial  
(c) Kumpulan : Pelaksana Perkhidmatan  
(d) Taraf Jawatan : Kontrak  
(e) Jadual Gaji : Gred S29
- |                            |                             |                       |
|----------------------------|-----------------------------|-----------------------|
| Gaji Minimum<br>RM1,493.00 | Gaji Maksimum<br>RM5,672.00 | Kadar KGT<br>RM145.00 |
|----------------------------|-----------------------------|-----------------------|

**Syarat Lantikan:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (i) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
    - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
    - (iii) Diploma dalam bidang tafsir Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh pihak MAIK berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

## **HAD UMUR PELANTIKAN PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT PADA TARikh TUTUP IKLAN JAWATAN**

- i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun; atau
- ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **CARA MEMOHON**

- i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan (MUI)Kn, 1/93 yang boleh didapati melalui Portal Rasmi MAIK <http://www.e-maik.my> atau mengambil sendiri di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- ii) Permohonan dari pegawai sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan berserta Laporan Penilaian Prestasi Tahun 2020 / terkini dan kenyataan perkhidmatan yang kemaskini.
- iii) Salinan sah sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, surat beranak serta surat berkaitan bersama gambar berukuran passport yang telah ***disahkan oleh pegawai perkhidmatan gred 41 dan ke atas*** hendaklah dikembarkan bersama borang permohonan.
- iv) Permohonan yang tidak mengikut peraturan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

## **ALAMAT PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut:

YABRs. Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,  
**15200 KOTA BHARU.**

**SEBELUM ATAU PADA : 28 JANUARI 2021**

## **PERKARA AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.